KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	24.02.22	MUKA SURAT	:	24
JABATAN	:	JPN PAHANG/JPSM			

Hutan Simpan Sungai Lembing diwartakan

KUANTAN - Tanah milik kerajaan seluas 38.68 hektar berhampiran Kampung Kolong Pahat, Sungai Lembing di sini telah diluluskan untuk diwartakan sebagai Hutan Simpan Sungai Lembing.

Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP), Datuk Dr Mohd Hizamri Mohd Yasin berkata, keputusan itu dibuat kerajaan negeri pada mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Pahang 26 Januari lalu di bawah Seksyen 7 Akta Perhutanan Negara (APN) 1984.

Menurutnya, Hutan Simpan Sungai Lembing terbahagi kepada dua kawasan masing-masing seluas 15.98 hektar dan 22.7 hektar.

"Pada mesyuarat itu, semua pihak bersetuju untuk menolak mana-mana permohonan tanah di kawasan tersebut," katanya.

Mohd Hizamri berkata, melalui pewartaan itu, JPNP diberi kuasa untuk menyelia dan menguruskan kawasan terbabit.

"Tindakan boleh diambil terhadap sebarang aktiviti tanpa kebenaran malah individu yang berada di dalam kawasan berkenaan tanpa permit juga boleh didakwa.



Kawasan hutan milik kerajaan berhampiran Kampung Kolong Pahat, Sungai Lembing yang diceroboh sebelum ini telah diluluskan untuk diwartakan sebagai Hutan Simpan Sungai Lembing.

"Pada masa sama, aktiviti perhutanan semula terhadap kawasan tersebut juga akan dilaksanakan," katanya mengulas berhubung operasi penguatkuasaan bersepadu di kawasan itu pada Isnin.

Dalam operasi itu, lebih 200 pokok durian musang king berusia empat hingga lima tahun telah dimusnahkan.

Operasi disertai anggota penguat kuasa JPNP, Pejabat Daerah dan Tanah Kuantan, polis, Jabatan Alam Sekitar (JAS) Pahang dan Unit Penguat kuasa Negeri Pahang (UPNP).

JPNP akan menanam 3,000 pokok balak berkualiti tinggi di kawasan tersebut dalam usaha memulihara Hutan Simpan Sungai Lembing.